

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan pada jam **1200, 10 Mei 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
BAGI PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN DAN PENDAPATAN E-DAGANG,
SUKU TAHUN PERTAMA 2023

Hasil Sektor Perkhidmatan pada Suku Tahun Pertama 2023 Meningkat
13.1 peratus untuk Merekodkan RM560.3 bilion

PUTRAJAYA, 10 MEI 2023 – Hasil sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan dua digit 13.1 peratus pada suku tahun pertama 2023 untuk merekodkan sebanyak RM560.3 bilion, seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). **Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan, Suku Pertama 2023** yang diterbitkan secara rasmi pada hari ini memaparkan statistik sektor Perkhidmatan yang merangkumi subsektor Perdagangan Borong & Runcit; Maklumat & Komunikasi; Pengangkutan & Penyimpanan; Makanan & Minuman; Profesional; Kesihatan Swasta; Pendidikan Swasta; Penginapan; Kesenian, Hiburan & Rekreasi, Hartanah; Pentadbiran & Khidmat Sokongan; Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti dan Pendapatan e-Dagang.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata "Prestasi sektor Perkhidmatan pada suku pertama 2023 ini dipacu oleh segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan meningkat 13.1 peratus kepada RM428.2 bilion. Ini diikuti oleh segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan dan segmen Profesional, Hartanah dan Pentadbiran & Khidmat Sokongan masing-masing meningkat 12.0 peratus dan 16.5 peratus kepada RM77.8 bilion dan RM35.3 bilion."

Sementara itu, bagi pendapatan e-Dagang, Ketua Perangkawan mengulas, “ia mencatatkan nilai sebanyak RM307.2 bilion iaitu bertumbuh 10.4 peratus tahun-ke-tahun pada suku tahun pertama 2023. Bagi perbandingan suku tahun-ke-suku tahun, pendapatan e-Dagang meningkat sedikit iaitu 1.6 peratus.”

Bagi analisis prestasi mengikut subsektor, Perdagangan Borong & Runcit mencatatkan peningkatan tertinggi RM46.4 bilion atau 12.8 peratus tahun-ke-tahun. Ini diikuti oleh subsektor Pengangkutan & Penyimpanan dan Makanan & Minuman masing-masing meningkat 21.9 peratus dan 11.6 peratus kepada RM35.8 bilion dan RM17.3 bilion pada suku pertama 2023.

Beralih ke analisis perbandingan suku tahun-ke-suku tahun, jumlah hasil pada suku pertama 2023 merekodkan kenaikan 1.0 peratus atau RM5.5 bilion. Peningkatan ini turut didorong oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit dan Pengangkutan & Penyimpanan, masing-masing meningkat 0.6 peratus dan 3.6 peratus.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut memaklumkan “Jumlah pekerja dalam sektor ini ialah 4.4 juta orang, meningkat sebanyak 89.6 ribu orang atau 2.1 peratus tahun-ke-tahun. Kenaikan ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit dengan peningkatan sebanyak 49.0 ribu orang atau 2.6 peratus, diikuti subsektor Pengangkutan & Penyimpanan, meningkat sebanyak 18.6 ribu orang atau 5.4 peratus. Bagi suku tahun-ke-suku tahun, jumlah pekerja bertumbuh 0.3 peratus, meningkat 13.1 ribu orang.”

Gaji dan upah yang dibayar juga mencatatkan peningkatan sebanyak RM1.4 bilion atau 4.6 peratus tahun-ke-tahun. Peningkatan ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit yang bertumbuh 3.4 peratus kepada RM13.9 bilion dan diikuti oleh Pengangkutan & Penyimpanan, meningkat 7.0 peratus kepada RM2.8 bilion. Sementara itu, bagi perbandingan suku tahun-ke-suku tahun, gaji dan upah menaik 0.7 peratus untuk mencatatkan RM31.3 bilion pada suku tahun pertama 2023.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam

memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengistiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Connecting the World with Data We Can Trust”.


Carta 1: Prestasi Sektor Perkhidmatan, ST1 2020 – ST1 2023 (RM Bilion)




Carta 2: Prestasi Segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman, dan Penginapan, ST1 2020 – ST1 2023 (RM Bilion)




Carta 3: Prestasi Segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan, ST1 2020 – ST1 2023 (RM Bilion)




Carta 4: Prestasi Segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian dan Lain-lain Aktiviti, ST1 2020 – ST1 2023 (RM Bilion)



Carta 5: Prestasi Segmen Profesional, Hartanah dan Pentadbiran & Sokongan, ST1 2020 – ST1 2023 (RM Bilion)



Carta 6: Pendapatan e-Dagang, ST1 2020 – ST1 2023 (RM Juta)



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
10 MEI 2023

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hours, Wednesday, May 10, 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
FOR PERFORMANCE OF SERVICES SECTOR AND E-COMMERCE INCOME,
FIRST QUARTER 2023

Revenue for Services Sector in the First Quarter of 2023 Increased by 13.1 per cent to Record RM560.3 billion

PUTRAJAYA, MAY 10, 2023 – Services sector revenue registered a double-digit growth of 13.1 per cent in the first quarter of 2023 to record a total of RM560.3 billion, as reported by the Department of Statistics, Malaysia (DOSM). The Quarterly Services Statistics, First Quarter 2023 which was officially released today, presents statistics on the Services sector, which encompasses the sub-sectors of Wholesale & Retail Trade; Information & Communication; Transportation & Storage; Food & Beverages; Professional; Private Health; Private Education; Accommodation; Arts, Entertainment & Recreation; Real Estate; Administrative & Support Service; Personal Services & Other Activities, and Income of e-Commerce.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said "Services sector performance in the first quarter of 2023 was driven by Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages, and Accommodation segment, which increased 13.1 per cent to RM428.2 billion. These were followed by Information & Communication and Transportation & Storage, and Professional, Real Estate and Administrative & Support Service segments, which grew by 12.0 per cent and 16.5 per cent to RM77.8 billion and RM35.3 billion, respectively."

Meanwhile, for e-Commerce income, the Chief Statistician commented, "it recorded RM307.2 billion, grew by 10.4 per cent year-on-year in the first quarter of 2023. For

quarter-on-quarter comparison, income of e-commerce increased marginally by 1.6 per cent.”

In terms of analysis by sub-sector, Wholesale & Retail Trade sub-sector recorded the highest increment with RM46.4 billion, or 12.8 per cent year-on-year. These were followed by the Transportation & Storage and Food & Beverages sub-sectors which increased 21.9 per cent and 11.6 per cent, respectively to record RM35.8 billion and RM17.3 billion in first quarter 2023.

Looking at analysis by quarter-on-quarter comparison, total revenue in the first quarter of 2023 increased 1.0 per cent or RM5.5 billion. The growth was also propelled by Wholesale & Retail Trade and Transportation & Storage sub-sectors, which grew 0.6 per cent and 3.6 per cent, respectively.

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also informed, “The number of persons engaged in this sector was 4.4 million persons, increased by 89.6 thousand persons, or 2.1 per cent year-on-year. The rise was attributed by Wholesale & Retail Trade sub-sector with an increase of 49.0 thousand persons, or 2.6 per cent, followed by the Transportation & Storage sub-sectors, which rose by 18.6 thousand persons or 5.4 per cent. For quarter-on-quarter, the number of persons engaged grew by 0.3 per cent, which amounted to 13.1 thousand persons.”

Salaries and wages paid also registered an increase of RM1.4 billion, or 4.6 per cent year-on-year. The increase was attributed by the Wholesale & Retail Trade sub-sector, which rose 3.4 per cent to record RM13.9 billion and followed by the Transportation & Storage sub-sector, which increased 7.0 per cent to record RM2.8 billion. Meanwhile, for quarter-on-quarter comparison, salaries and wages grew 0.7 per cent to register RM31.3 billion in the first quarter of 2023.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

Chart 1: Performance of Services Sector, Q1 2020 – Q1 2023 (RM Billion)




Chart 2: Performance of Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages, and Accommodation Segment, Q1 2020 – Q1 2023 (RM Billion)




Chart 3: Performance of Information & Communication and Transportation & Storage Segment, Q1 2020 – Q1 2023 (RM Billion)




Chart 4: Performance of Private Health, Private Education, Arts, Entertainment & Recreation and Personal Services and Other Activities Segment, Q1 2020 – Q1 2023 (RM Billion)




Chart 5: Performance of Professional, Real Estate and Administrative & Support Service Segment, Q1 2020 – Q1 2023 (RM Billion)





Chart 6: e-Commerce income, Q1 2020 – Q1 2023 (RM Million)



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
MAY 10, 2023**